Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SELASA, 4 OGOS, 1981

# 'Selamat Hari Raya...' kepada Seri Paduka

■ GAMBAR KANAN (atas) Yang di-Pertuan Agong berkenan bersalaman dengan orang-orang kenamaan dari Kedutaan asing selepas selesai menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Puasa bersama rakyat jelata di Masjid Negara di Kuala Lumpur kelmarin.

Seri Paduka Baginda diiringi oleh Raja Permaisuri Agong untuk menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri di pagi Raya pertama.

Ahli-ahli jemaah yang sembahyang sunat itu berkesempatan bersalaman dengan Yang di-Pertuan Agong serta Raja Permaisuri Agong. GAMBAR KANAN (bawah): Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn (tengah) bertahmid sempena Hari Raya Puasa Pertama di Masjid Negara Kuala Lumpur pagi kelmarin.

Tun Hussein diapit oleh bekas Yang Dipertua Dewan Negara, Tun Omar Ong Yoke Lin (kiri) dan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdullah Ayub (kanan).

Beribu-ribu orang berjemaah bersembahyang sunat Hari Raya Puasa di Masjid Negara di Kuala Lumpur kelmarin. — Gambar Berita Harian.



